

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Melancarkan i-Great Mega Plus: Lindungi Yang Bermakna, Pelihara Legasi Berpanjangan

*Memperkasa rakyat Malaysia untuk Membina Kekayaan, Mendapatkan Perlindungan dan
Meninggalkan Legasi Berkekalan*

15 Ogos 2026, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) hari ini melancarkan i-Great Mega Plus, sebuah pelan takaful keluarga dan perlindungan yang direka untuk membantu rakyat Malaysia memperkukuh kewangan mereka sambil membina legasi bermakna untuk generasi akan datang. Pelancaran tersebut berlangsung di Habib Landmark, Kuala Lumpur, dengan kerjasama Habib Jewels, yang menghimpunkan para perunding takaful, prospek dan penceramah jemputan menerusi kempen pelanggan bertemakan ‘*Craft Your Mega Legacy*’.

Berpandukan proposisi produk ‘*Where Protection Meets Legacy*’, i-Great Mega Plus menawarkan penyelesaian komprehensif yang menggabungkan perlindungan, simpanan, pengumpulan kekayaan dan perancangan legasi dalam satu pelan. Pelan ini membolehkan individu, keluarga dan pemilik perniagaan menghadapi ketidakpastian hidup, melindungi legasi kewangan mereka, memastikan kesinambungan perniagaan serta mencipta impak berkekalan buat insan tersayang dan komuniti.

Ketika berucap pada majlis pelancaran tersebut, Puan Jasveen Marne, Wakil Lantikan Great Eastern Takaful berkata, “Di Great Eastern Takaful, kami percaya bahawa perancangan kewangan harus melangkaui perlindungan terhadap keperluan hari ini. Ia seharusnya memperkasakan individu dan keluarga untuk membina, memelihara dan mewariskan legasi yang bermakna. i-Great Mega Plus telah direka khas bagi memenuhi aspirasi ini dengan menggabungkan perlindungan yang menyeluruh, peluang pengumpulan kekayaan jangka panjang serta ciri-ciri perancangan legasi dalam satu penyelesaian.

Bersempena pelancaran ini, Great Eastern Takaful turut memperkenalkan Kempen Emas Vaganza yang berlangsung sehingga 30 September 2026. Berteraskan nilai bersama iaitu perlindungan dan nilai yang berkekalan, kempen ini menawarkan peluang kepada pelanggan untuk menerima emas 999.99, yang melambangkan jaminan berpanjangan yang boleh diberikan oleh emas dan takaful ketika berdepan ketidakpastian hidup. Pelanggan yang melanggan mana-mana daripada enam pelan terpilih sepanjang tempoh kempen berpeluang menerima jongkong emas Habib Jewels sehingga 10 gram, sekali gus menjadikan perjalanan mereka ke arah jaminan kewangan yang lebih kukuh lebih bermakna dan bermanfaat.”

i-Great Mega Plus menawarkan jumlah perlindungan asas minimum sebanyak RM300,000, di samping peluang untuk membina nilai jangka panjang menerusi dana

berkaitan pelaburan yang diuruskan secara profesional. Pelan ini turut menyediakan manfaat kematangan, manfaat kesetiaan yang dikreditkan setiap lima tahun sijil sepanjang tempoh pembayaran sumbangan, serta manfaat kematian akibat kemalangan sehingga 300% daripada Jumlah Perlindungan Asas, bagi memberikan perlindungan yang dipertingkatkan terhadap kejadian yang tidak diduga.

Puan Rashida Mior Ahmad Darwish, Ketua Pemasaran Great Eastern Takaful berkata, “Pelancaran i-Great Mega Plus mencerminkan komitmen berterusan kami untuk membantu rakyat Malaysia memperkukuh daya tahan kewangan mereka dalam persekitaran yang semakin tidak menentu. Melalui perkhidmatan wakaf yang ditawarkan, pelan ini membolehkan peserta mewakafkan sebahagian manfaat kematian yang telah dipersetujui kepada institusi wakaf yang dilantik, menamakan penerima manfaat menerusi hibah bersyarat, atau kedua-duanya sekali. Pelan ini menyediakan penyelesaian praktikal bagi pemindahan harta dan perlindungan kewangan, membolehkan peserta melindungi insan tersayang serta memastikan manfaat takaful yang ditetapkan disalurkan kepada penerima manfaat yang dihasratkan selepas ketiadaan mereka. Pada masa yang sama, ia turut membolehkan peserta menyumbang kepada tujuan amal, sekali gus memastikan nilai dan sumbangan mereka terus memberi manfaat kepada generasi akan datang.”

Bagi menambahkan pengalaman menarik semasa pelancaran dan menggalakkan perbincangan mengenai kekayaan, legasi serta persediaan kewangan, acara tersebut menampilkan kemunculan istimewa Dato’ Mustapha Kamal, yang terkenal dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi watak ikonik ‘Papa Megah Holdings’. Majlis pelancaran itu turut membawakan forum literasi kewangan yang dikendalikan oleh mentor kewangan dan pelabur hartanah terkenal, Norriza Yusof (Mak Jerung). Majlis turut menampilkan Financial Faiz, salah seorang perunding kewangan peribadi terkemuka Malaysia dengan lebih 1.1 juta pengikut di pelbagai platform media sosial, serta Hajjah Rohani Datuk Mohd Shahir, seorang tokoh yang aktif memperjuangkan kewangan Islam dan wakaf, sebagai ahli panel. Sesi berkenaan membincangkan topik-topik seperti pengurusan kekayaan, daya tahan kewangan dan perancangan pewarisan dalam usaha mewujudkan impak sosial yang mampan.

Pelancaran i-Great Mega Plus membuktikan usaha berterusan Great Eastern Takaful untuk menjadikan perlindungan kewangan menyeluruh dan perancangan legasi lebih mudah diakses oleh rakyat Malaysia. Melalui perbincangan yang menarik mengenai perancangan kewangan, pemeliharaan kekayaan, perancangan legasi Islam serta kepentingan mewujudkan impak yang mampan untuk generasi akan datang, para tetamu digalakkan untuk mengambil langkah proaktif dalam menjamin masa depan kewangan mereka dan meninggalkan legasi yang bermakna.

Untuk maklumat lanjut mengenai i-Great Mega Plus, sila layari www.greateastertakaful.com.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com